

Badan alu-alu bantuan analisis keperluan latihan



SEMUA AKUR MANFAAT YANG DITERIMA: Shaik Hussein Shaik Yaacob (gambar), Encik Abdul Wahab Hussein, Encik Mohd Yusof Ismail, Encik Izzuddin Taherally dan Encik Mohd Anuar Yusop, akur kepentingan tadbir urus baik dalam persatuan mereka demi memberi khidmat lebih baik kepada masyarakat. - Foto-foto fail

14 Jul 2014

Berita Harian

LIMA badan Melayu/Islam (MMO) yang dipilih menerima bantuan bagi mempertingkatkan amalan tadbir urus dan kepimpinan mereka, akur kepentingan tadbir urus baik dalam badan mereka demi memberi khidmat lebih baik kepada masyarakat.

Dalam hal ini, badan-badan tersebut akur manfaat yang boleh mereka dapati daripada menjalani Analisis Keperluan Latihan (TNA) bagi menilai keupayaan kepimpinan dan pertubuhan mereka serta latihan yang diperlukan.

Ini dinyatakan pemimpin lima badan itu - Angkatan Karyawan Islam (AMP), Persatuan Muhammadiyah, Pertapis, Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM) dan Persatuan Ain - semasa dihubungi.

TNA ialah fasa pertama di bawah bantuan oleh Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) itu.

Pengarah Eksekutif AMP, Encik Mohd Anuar Yusop, berkata AMP selalu menekankan usaha berterusan dalam meningkatkan kemahiran kakitangannya.

"Kami bersedia berkongsi pengalaman kami dengan rakan CLF lain.

"Saya juga pasti kami juga akan meraih manfaat daripada proses TNA yang dijalankan oleh kumpulan profesional, seperti SSA Consulting," ujar Encik Anuar.

Sebelum ini, AMP menjalankan sendiri TNA bagi badan itu.

SSA Consulting Group, syarikat perunding cara yang dilantik, menjalankan TNA bagi lima badan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persatuan Ain, Haji Md Yusof Ismail, berkata persatuan itu sudah pun mengadakan beberapa pertemuan dengan SSA Consulting.

"Prosesnya agak intensif tetapi saya rasa ia penting kerana sebagai badan kebajikan, kami harus dibekalkan dengan kemahiran terbaru agar cekap memberi respons kepada isu sosial yang berubahubah," ujar Haji Yusof.

Presiden Persatuan Muhammadiyah, Ustaz Shaik Hussain Shaik Yaacob, pula berkata:

"Kami mempunyai pegawai dalam pelbagai institusi berbeza, daripada pegawai pentadbiran kepada pekerja sosial dan kaunselor.

"Satu analisis menyeluruh akan dapat membantu kami mengenal pasti apa lagi yang boleh dibaiki dalam pelbagai institusi ini."

Pengarah Eksekutif Pertapis, Encik Abdul Wahab Hussein, akur TNA penting kerana ia membantu pertubuhan melakar hala tuju dan meninjau aspek yang boleh dibaiki lagi.

"Kami baru selesai mengadakan satu TNA kami sendiri beberapa bulan lalu dan kami juga sudah ada rangka kerja latihan. Oleh itu, saya tidak berapa pasti bagaimana hasil kajian terbaru itu nanti akan berbeza daripada yang telah kami lakukan," ujarinya.

Presiden 4PM, Encik Izzuddin Taherally, menyifatkan bantuan itu sebagai inisiatif baik oleh CLF.

"Saya berharap kami dapat mengenal pasti dan meningkatkan lagi kecekapan kakitangan kami, terutama dalam bidang kaunseling dan pengendalian program kerana mereka yang berdepan secara langsung dengan anggota masyarakat," ujar Encik Izzuddin.

CLF perjelas bagaimana lima MMO dipilih

14 Jul 2014

Berita Harian

SEKRETARIAT Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) berkata analisis bagi meninjau keperluan latihan lima badan Melayu/Islam (MMO) yang terpilih sebahagian daripada inisiatif pembangunan keupayaan MMO.

Inisiatif itu diperkenal menyusuli pembentukan Dana Pembangunan Keupayaan April lalu demi membuka laluan mempertingkatkan keupayaan sektor sukarela Melayu/Islam (MMVS).

"Pelibatan MMO dalam analisis itu akan menyumbang kepada pembangunan satu pelan hala tuju latihan bagi MMVS, serta menggalak perkongsian amalan terbaik di kalangan rakan CLF berhubung tadbir urus serta kepimpinan," kata jurucakap sekretariat CLF.

Analisis Keperluan Latihan (TNA) itu diumumkan oleh Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, ketika berucap di Seminar Tadbir Urus baru-baru ini.

Lima MMO yang diberi peluang menjalani TNA oleh konsultan SSA Consulting Group tersebut ialah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Persatuan Muhammadiyah, Pertapis, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) dan Persatuan Ain.

CLF berkata lima MMO itu dipilih kerana kekuatan serta bidang tukikan masing-masing.

Pertapis dan Muhammadiyah dipilih kerana khidmat serta program meluas mereka yang memenuhi keperluan pelbagai peringkat usia.

Persatuan Ain dipilih kerana tukikannya dalam membantu pesakit barah, 4PM kerana dedikasi serta khidmat mereka dalam sektor belia.

AMP dipilih kerana pencapaian berterusannya dan sumbangannya kepada masyarakat menerusi pelbagai program, yang dilihat sebagai kritikal untuk memastikan sektor MMVS dapat bertahan, kata CLF.

SSA Consulting sudah mula menemui sebahagian daripada lima badan itu sejak awal bulan ini untuk memahami struktur pertubuhan, cabaran serta keperluan latihan dan pembangunan kakitangan mereka, menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SSA Consulting, Encik Suhaimi Salleh.

Menurutnya, proses sekitar tiga bulan itu merangkumi usaha meninjau skop dan peranan badan, menilai keperluannya, mengenal pasti latihan yang diperlukan dan melakar hala tuju latihan.

Di akhir proses tersebut, saranan latihan yang diperlukan akan diperincikan dalam satu pelan hala tuju pembangunan latihan yang dijangka dibentang kepada CLF Ogos ini.

Sekretariat CLF akan meneliti pelan tersebut dan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk melaksana pelan latihan bagi lima MMO itu, yang digalok memanfaatkan Dana Pembangunan Keupayaan berjumlah \$1.2 juta dan geran bagi membiayai latihan mereka.